



70 Tahun
KAMIL AB. MAJID

70 Tahun
KAMIL AB. MAJID

ILHAM BOOKS
Kuala Lumpur
2019

70 TAHUN KAMIL AB. MAJID

Hak Cipta Terpelihara @ Mohamad Kamil Ab. Majid, 2019
Hak Cipta Penerbitan @ ILHAM Books, 2019

Terbitan Pertama, 2019

ILHAM BOOKS (002683798-H)
No. 94(G), Jalan Nilai Square 3
Nilai Square, 71800 Nilai
Negeri Sembilan, MALAYSIA

Facebook: www.facebook.com/ilhambooks
Email: admin@ilhambooks.com
Website: www.ilhambooks.com
Hotline/WhatsApp: +6011-1060 1403

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Kamil Ab. Majid, 1950-
70 TAHUN KAMIL AB. MAJID / KAMIL AB. MAJID.
ISBN 978-967-2007-26-5
1. Kamil Ab. Majid, 1950-.
2. Religious educators--Biography.
3. Muslim scholars--Biography.
4. Autobiography.
I. Judul. II. Judul: Tujuh puluh tahun Kamil Ab. Majid.
922.97

Ketua Editor: Muhammad Din
Editor Perolehan: Zahiruddin Zabidi
Editor: Ahmad Zamani Ishak
Pruf: Muhamad Fayyadh
Atur huruf: Muhamad Zikri Jinal
Reka kulit: Muhamad Zikri Jinal
Jualan & Pemasaran: Abdul Harith Hilmie Abdul Hadi

Dicetak oleh Firdaus Press Sdn. Bhd.

ISBN: 978-967-2007-26-5

ISI KANDUNGAN

SETITIS TINTA	ix
Bahagian 1: Dari Hati ke Hati	1
Titih Keturunan	3
Tanah Tumpah Darahku, Kampung Kayu Rendang	19
Kayu Rendang – Pulai Chondong – Jalan Merbau – Nilam Puri	25
Perkahwinan dan Keluarga	41
Benih-benih Awal	47
Kaherah: Al-Azhar, Ikhwan Al-Muslimin, dan Pusat Kebudayaan Arab	53
Pengaruh Tokoh dan Buku	65
Ke Dunia Akademik	73
Di Brunei Darussalam	81
Pengalaman sebagai Penceramah dan Pensyarah Bidang Pengajian Islam	87
Dakwah ABIM, Rehlah Ilmu, Pemikiran, dan Dakwah	95
Jamaah Misri, IRC dan ABIM	103
Inspirasi Awal Dunia Dakwah	107
Cabaranku	127
Bahagian 2: Ustaz Kamil yang Kami Kenal	133
Murabbiku	135

TITIH KETURUNAN

Aku anak kelahiran Negeri Cik Siti Wan Kembang yang dilahirkan pada hari Selasa, 10 Januari 1950, di Kampung Kayu Rendang. Kampung kelahiranku yang terletak dalam Daerah Peringat, lebih kurang 21 kilometer dari Bandar Kota Bharu, merupakan sebuah perkampungan Melayu tradisional yang terpinggir dan tidak mempunyai bekalan elektrik dan paip air.

Aku diberitahu, datuk moyangku yang bernama Tok Deramat berasal dari Kampung Tok Uban, Pasir Mas, Kelantan. Tetapi ada juga yang memberitahu bahawa beliau berasal dari Kampung Kor, Kadok, Kota Bharu. Tok Deramat ialah individu penting dalam pembukaan Kampung Kayu Rendang. Kampung Kayu Rendang yang diasaskan oleh Tok Deramat ini terletak di tebing Sungai Chengal¹ bersebelahan

¹ Sungai kecil yang bersambung dengan sungai Kelantan, iaitu sungai terbesar dan sungai utama di Kelantan. Sungai Kelantan bermula dari muara sungai dari pertemuan dua kuala sungai utama, iaitu Sungai Galas dan Sungai Lebir di Kuala Krai. Sungai Galas bermula dengan Sungai Betis, 20 batu dari sumber dan Sungai Nenggiri sebelum Sungai Galas dan Sungai Kelantan. Sungai Kelantan melalui empat bandar penting di Kelantan iaitu Kuala Krai, Tanah Merah, Pasir Mas dan Kota Bharu. Menurut sejarah, kawasan tumpuan penduduk adalah di sepanjang Sungai Kelantan terutamanya di kawasan lembah yang luas dan subur. Menurut Kessler (1978: 38-39) penduduk Kelantan mendirikan rumah di kiri dan kanan tebing Sungai Kelantan dan anak-anak sungainya. Pada zaman dahulu, sungai berperanan sebagai jalan penghubungan yang terpenting. Ia juga sumber untuk kegiatan harian dan pertanian kerana tanahnya lebih subur. Begitu juga dengan kegiatan perniagaan

dengan Kampung Chengal dan Padang Halban, Melor, Kelantan. Nama Kampung Kayu Rendang diperoleh kerana terdapatnya sepohon kayu yang rendang yang keluasannya dikatakan boleh menampung benih padi sebanyak lima gantang untuk penanaman padi di kampung tersebut.²

Pada masa sekarang sudah ada jambatan konkrit yang menghubungkan Kampung Chengal dan Padang Halban. Jambatan ini dikenali "Jambatan Putra" dan dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Jalan Kampung Chengal merupakan jalan kampung yang merentas Jalan Kota Bharu-Kuala Krai, bermula dari Jalan Pengkalan But terus ke Jalan Kota Bharu-Terengganu melalui beberapa buah kampung seperti Kampung Chengal, Kampung But,³ Kampung Kayu Rendang sehingga ke Pekan Melor. Sebelum itu jambatannya diperbuat daripada batang buluh yang di bahagian bawahnya diletakkan beberapa buah pelampung dan sudah berusia 30 tahun.

dapat berjalan dengan mudah kerana adanya sungai dan barangannya lebih murah berbanding dengan kawasan pedalaman yang masih dipenuhi hutan tebal. Golongan raja dan pembesar-pembesar negeri pula mendirikan kubu dan istana di tebing-tebing sungai untuk tujuan memungut cukai dan menguasai penduduk negeri.

² Abdullah Munsyi (1960: 56) yang melawat Kelantan pada tahun 1838 menyifatkan tanah pertanian di Kelantan begitu istimewa sehingga dikatakan, "tumbuh-tumbuhan mereka itu dan sawah kampung mereka itu terlalu bagus ... tiap-tiap pohon itu subur belaka." Begitu juga Wright and Reid (1912) menyifatkan Dataran Kelantan sebagai "sebuah kebun yang tersangat besar."

³ Kampung But dilihat sebagai "sarang" ulama. Guru-guru yang berada di sekitar Kampung Kayu Rendang dan kawasan sekeliling termasuk Kampung But dan Ketereh, antaranya termasuk Tok Guru Haji Wan Abdul Qadir (Haji Dir), Tok Guru Muhammad Nor bin Haji Abdullah (Haji Nor But) (1904-1994), Haji Hassan Ketereh (1909-1977), Haji Jusoh, Haji Lid (Khalid), dan Haji Awang (Kamruzzaman, Mohamad Kamil). Tok Guru Lid membuka Pondok Mahligai, Melor sebelum diteruskan oleh Haji Daud Solleh Abbas (Kamaruzzaman), lihat juga Ibn Nor, "Sejarah Ringkas Madrasah al-Nahdah al-Ilmiah Pondok But, Ketereh," t.p., 2008.

Berbalik semula kepada susur galur keturunan aku, moyang aku bernama Sulaiman bin Deramat yang juga dikenal dengan nama "Lebai Sulaiman". Gelaran "Lebai" yang diberikan oleh penduduk kampung kepada Lebai Sulaiman adalah disebabkan ketokohan dan ilmu agama Islam yang dimiliki beliau. Selain itu, sudah menjadi kebiasaan bagi seseorang tokoh agama yang belum berkesempatan menunaikan ibadat haji di Makkah akan dipanggil dengan gelaran "Lebai" oleh masyarakat setempat.

Antara anak kepada Lebai Sulaiman ialah Haji Ibrahim, iaitu datuk aku. Haji Ibrahim ini mempunyai tiga orang anak lelaki iaitu ayah aku, iaitu Haji Abdul Majid yang meninggal dunia pada 1970, Haji Ismail yang meninggal dunia pada 2014, dan Haji Abdullah yang meninggal dunia pada 2015.

Semasa musim haji, datuk membawa rombongan untuk menunaikan haji di Makkah. Walau bagaimanapun, datuk berpulang ke rahmatullah semasa membawa rombongan haji sekitar tahun 1923 di Mekah. Pada masa yang sama, ayah turut serta menyertai rombongan datuk dengan tujuan untuk melanjutkan pelajaran di Mekah seperti ulama Melayu yang lain.

Susur galur keturunan di sebelah ibu, Zaharah binti Abdul Latif bin Imam Mat Saman, menurut Haji Wan Abdul Kadir Melor adalah daripada keturunan imam yang berasal daripada keturunan Raja Tanah Merah, iaitu daripada keturunan Imam Haji Awang anak Imam Wanik, anak Imam Tengah, anak Imam Karim, anak Imam Senik dan anak Raja Langsurin yang menuntut ilmu agama di Salor yang kemudiannya berkahwin dengan seorang perempuan dari Kampung Limbat.

Ayahku, Haji Ab. Majid

Bapa kepada ayah bernama Haji Ibrahim bin Sulaiman bin Deramat, manakala ibunya pula bernama Siti Hajar bin Awang Besar yang berasal dari Kampung Padang Lembik, Buluh Poh, Ketereng. Titih keturunan kami mempunyai latar belakang agama yang kuat. Ayah tersenarai dalam kalangan ulama *majhul* Kelantan bersama-sama dengan tokoh-tokoh ulama yang lain.⁴

Dalam kalangan ahli keluarga dan masyarakat setempat, ayah juga dikenal dengan panggilan “Ayah Jid”, dan cucu-cucunya memanggil ayah dengan panggilan “Tok Ayah Jid”. Ayah dilahirkan sekitar tahun 1903, iaitu pada tahun yang sama Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman Putra, dilahirkan. Dalam catatan Permit Kematian, usia ayah semasa meninggal dunia ialah 51 tahun. Tetapi bagi aku, catatan tentang usia tersebut agak mengelirukan. Hal ini kerana ayah pernah memberitahu aku bahawa tahun kelahirannya adalah sama dengan tahun kelahiran Tunku Abdul Rahman Putra. Ayah meninggal dunia pada tahun 1970. Jika betullah ayah meninggal dunia pada usia 51 tahun, bermakna ayah lahir pada tahun 1919, dan bukannya pada tahun 1903.

Tetapi ada juga yang memberi pandangan yang berbeza-beza tentang tahun kelahiran ayah. Ada yang memberitahu ayah lahir pada tahun 1910, 1912, dan 1920. Tetapi aku yakin ayah dilahirkan pada sekitar tahun 1903 kerana aku pernah mendengar ayah memberitahu tentang tahun kelahirannya yang sama dengan tahun kelahiran Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Jadi, semasa meninggal dunia, usia ayah 67

⁴ Nama Haji Ab. Majid ada disebut dalam “Daftar Kematian Ulama/Guru Ugama Kelantan (Sejak 1957)”, “Senarai no. 73 dalam buku Tokoh-tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (2),” selenggaraan Ismail Che Daud, diterbitkan pada tahun 1996 oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1996: 405).

tahun. Berpulangnya ayah ke rahmatullah selepas seminggu Presiden Mesir, Gamal Abdel Mesir meninggal dunia.

Perkahwinan datuk (Haji Ibrahim) dengan Hajah Aminah, dikurniakan tiga orang anak iaitu Saadiah, Haji Ismail⁵ (terkenal dengan gelaran “Pak Cik Haji Weng” dalam kalangan keluarga) dan Haji Abdullah (Pak Su Dollah). Kedua-duanya meninggal dunia pada tahun 2014 dan 2015.

Ayah berkahwin awal, iaitu sebelum pergi ke Mekah untuk menunaikan haji pada tahun 1936. Ayah mempunyai lapan orang anak hasil daripada beberapa perkahwinannya. Isteri pertama ayah bernama Hajah Meriam binti Abdul Majid (dipanggil “Mak”) dan dikurniakan seorang anak yang diberi nama Muhammad (1937-2014). Ayah mungkin memberi nama “Muhammad” kepada anak sulungnya bersempena dengan nama Nabi Muhammad s.a.w. Menurut cerita, setelah mendapat cahaya mata pertama, ayah pergi ke Makkah untuk menunaikan haji dan seterusnya menyambung pelajaran di sana. Muhammad kemudiannya menambahkan “Shukri”

⁵ Adik kepada Haji Ab. Majid, Haji Ismail bin Haji Ibrahim juga merupakan anak kelahiran Kayu Rendang. Beliau mendapat pendidikan di kampung halamannya. Sebelum melanjutkan pelajaran ke luar negeri, beliau berkhidmat sementara di sekolah yang diasaskan abangnya, Haji Ab. Majid, iaitu Madrasah Majidiah. Beliau belajar di Mekah selama 7 tahun di Madrasah al-Saulatiyyah. Di samping itu beliau turut menghadiri halaqah ulama Mekah semasa seperti Syeikh Daud bin Sulaiman al-Kelantani, Saleh bin Idris al-Kelantani, Abdul Qadir al-Mandili, Syed Alawi bin Abbas al-Maliki, Hasan al-Masyat al-Maliki dan lain-lain. Selepas itu beliau melanjutkan pelajaran ke Madinah di Universiti Islam Madinah al-Munawwarah ‘ala Sakini-ha Afduhu al-Salat wa al-Salam. Selepas itu beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Azhar dan mendapat Ijazah Syahadah Aliyah (Sarjana). Beliau merupakan Syeikh Pondok yang pertama bertugas di Pondok Moden, Bachok dari tahun 1984-1994. Selepas itu beliau mengajar di Masjid Muhammadi selama 20 tahun dalam “halaqah tafaqquh.” Antara kitab yang dikhattam ialah “Sunan Abi Dawud” dan “Tafsir al-Nasafi.” Manakala kitab “al-Iqna” sehingga bab qisas dalam bahagian jenayah. Beliau meninggal dunia pada 18 Oktober 2014 (Ahmad Fuad Amran, 2014).

pada namanya sendiri ketika mendaftar di sekolah di Kota Bharu. Maka namanya menjadi Muhammad @ Muhammad Shukri.

Walaubagaimanapun, jodoh ayah dengan Hajah Meriam tidak panjang. Ini kerana ayah telah berkahwin dengan Hajah Rokiah di Makkah, iaitu semasa ayah mengikut rombongan haji yang dipimpin oleh datuk. Perkahwinan ayah dengan Hajah Rokiah tidak dipersejui oleh bapa kepada Hajah Meriam. Oleh sebab itu, ayah kemudiannya mengambil keputusan untuk berpisah dengan Hajah Meriam. Hajah Meriam kemudiannya berkahwin dengan Awang Lah dan menetap di Kampung Padang Halban, Melor. Pada 22 Oktober 1995, Hajah Meriam meninggal dunia semasa berumur 76 tahun.

Sebenarnya, sebelum ayah mengahwini Hajah Rokiah, ayah juga pernah memperisterikan Yam, tetapi mereka tidak dikurniakan zuriat daripada perkahwinan tersebut. Jadi, Hajah Rokiah ialah isteri ayah yang ketiga. Semasa ayah mengambil Hajah Rokiah sebagai isterinya, dia sebenarnya ialah seorang janda. Ini kerana ketika Hajah Rokiah ingin menunaikan haji ke Makkah, bekas suaminya itu tidak memberi keizinan kepadanya. Ini menyebabkan berlakunya perceraian antara Hajah Rokiah dengan bekas suaminya yang pertama.

Daripada perkahwinan dengan Rokiah, ayah mendapat tiga orang anak, iaitu Rabiah al-Adawiyyah (1940), Jamilah (1941) dan Ahmed Fadzil (1944/1945). Ahmed Fadzil meninggal dunia pada tahun 1997. Pada masa yang sama ayah juga berkahwin dengan Zahrah (Mak Su Jarah atau Mek) dan mendapat empat orang anak iaitu Mahmood Zuhdi (1943/1945/1947), Hasnah (1948), Mohamad Kamil (1950), dan Latifah (1953). Ayah juga pernah berkahwin

dengan Aisyah (Mak Cik Aji Esah) yang berasal dari Kayu Rendang juga tetapi tidak mendapat anak.

Ayah mendapat pendidikan awal daripada datuk, Haji Ibrahim. Datuk berhasrat agar ayah akan menjadi seorang ulama dan mendidik ayah dengan cukup tegas. Ayah kemudiannya telah dihantar oleh datuk untuk menuntut ilmu daripada tokoh ulama yang sangat terkenal dan disegani, Muhammad Yusuf bin Ahmad (1863-1933) atau lebih dikenal dengan nama Tok Kenali. Tok Kenali telah menubuhkan pondoknya pada sekitar tahun 1910.

Menurut cerita nenek kepada ayah, Siti Maryam binti Jusoh, ayah sangat suka berbakti kepada gurunya, Tok Kenali. Ketika Tok Kenali terkena penyakit kudis, beliau berusaha merawatnya. Beliau membersihkan kudis Tok Kenali sehingga dikatakan beliau mencuci ulat pada kudis dan kemudian meletakkannya kembali. Alasannya ialah tempat makanan ulat. Tok Kenali kemudiannya berkata, bahawa anak dan keturunan ayah akan menjadi orang besar-besaran.

Ayah juga pernah bercerita kepada aku bahawa sedang dia bermain bola pada suatu petang di Pondok Tok Kenali, datuk telah datang melawatnya. Apabila melihat ayah sedang seronok bermain bola, datuk berasa yang ayah hanya suka bermain-main sahaja. Oleh itu ayah telah didenda oleh datuk bukan dengan calang-calang denda. Ayah telah didenda supaya mencabut anak pokok kelapa yang setinggi paras dada yang ada di padang bola tersebut.

Selepas tertubuhnya Pondok Masjid Muhammadi Kota Bharu pada tahun 1917 oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), ayah meneruskan pengajiannya di sana. Salah seorang tenaga pengajarnya ialah Tok Kenali dan beliau dianggap sebagai "guru besar" di Masjid Muhammadi. Pada masa tersebut kedudukan Kelantan begitu tinggi dalam

bidang pendidikan agama sehingga dikenali sebagai “Serambi Makkah” menggantikan Aceh. Prof. Emeritus Tan Sri Dato’ Khoo Kay Kim, seorang pakar sejarah Malaysia menyifatkan Kelantan sebagai “universiti pertama” di Semenanjung Tanah Melayu.

Semasa masih berada di Kelantan, ayah menuntut kebanyakan disiplin ilmu Islam daripada guru-guru yang hebat. Selain Tok Kenali, guru al-Quran ayah ialah Haji Mahmud di Kota Bharu. Ayah juga berguru dengan guru masyhur yang lain termasuk Haji Yaakub bin Ismail (Yaakub Legor, Selatan Thailand), Haji Mohd Ali Solahuddin bin Awang atau lebih dikenali Haji Ali Pulau Pisang (1899-1968), Haji Abdullah Tahir bin Haji Ahmad atau lebih dikenali Haji Abdullah Tahir Bunut Payong (1897-1961). Haji Yaakub Legor dan Abdullah Tahir pakar dalam fikah manakala Ali Solahuddin pula pakar dalam hadis.

Datuk berhasrat supaya ayah melanjutkan pelajarannya di Mekah. Pada tahun 1923, ayah dibawa oleh datuk ke Mekah. Waktu itu usia ayah sekitar 20-an. Walau bagaimanapun, berikutan kematian datuk, ayah terpaksa pulang ke tanah air kerana terpaksa mengambil alih tugas mengurus penghantaran rombongan haji pulang ke Kelantan. Cita-cita ayah untuk belajar di Makkah terhenti di sini.

Aku bersama-sama dengan anak saudara, Kamuzzaman, pernah menemu ramah Haji Zakaria, iaitu rakan sekelas ayah semasa menuntut di Pondok Tok Kenali. Haji Zakaria dan ayah sama-sama membaca “Tafsir al-Jalalayn” yang dibimbing Tok Kenali. Haji Zakaria memberitahu bahawa kegigihan ayah dalam menuntut ilmu sangat terserlah. Ayah mempelajari “Tafsir al-Jalalayn” di tiga buah tempat yang berbeza. Pada waktu selepas isyak, ayah mempelajarinya di Pondok Tok Kenali yang dibimbing oleh Tok Kenali sendiri. Kemudian dengan berjalan kaki, ayah ke Bunut

Payong pula untuk mempelajari kitab tersebut selepas waktu subuh. Selepas waktu zuhur pula ayah akan ke Masjid Muhammadi untuk meneruskan pengajian kitab yang sama. Kemudian ayah kembali semula ke pondok Tok Kenali untuk mempelajarinya. Begitulah kegigihan ayah dalam menuntut ilmu. Selepas ayah berjaya menamatkan kitab tersebut, Tok Kenali telah meminta anak-anak murid beliau yang lain supaya belajar daripada ayah.

Ayah juga mahir dalam ilmu nahu dan fikah dan pengetahuan ayah amat mendalam dan *tahqiq*. Kitab nahu yang ada dalam koleksi ayah ialah “Hashiya al-Ashmawi”⁶ dan kitab fikah “Tuhfah al-muhtaj bi sharh al-Minhaj” karangan Ibn Hajar al-Haytami (1503-1566) dan tasawuf “Mizan al-Kubra” karangan ‘Abd al-Wahhab al-Sha’rani (1492-1565). Kadang-kadang ayah turut mencatat tarikh-tarikh penting seperti tarikh lahir anak-anak pada kitab-kitab tersebut.

Wirid boleh dikatakan sentiasa basah di bibir ayah pada sepanjang hari. Kadang-kadang ayah mengamalkan “ilmu nafas”, iaitu ilmu yang berasal daripada kitab yang ditulis oleh Dato’ Perdana Menteri Paduka Raja Haji Nik Mahmud bin Nik Ismail (1882-1968). Menurut ilmu nafas ini, sekiranya nafas ayah tidak betul, ayah tidak akan pergi ke Kota Bharu. Kitab berkenaan ilmu nafas ini sentiasa berada di atas mejanya bersama-sama dengan kitab “tib Arab.” Ilmu ini sedikit sebanyak memberi kelebihan kepada ayah kerana beliau sentiasa digeruni. Dengan kata lain, ayah juga dianggap sebagai “pendekar” malah mampu merawat beberapa penyakit termasuklah orang yang gila. Kebolehan yang ada pada ayah ini menyebabkan ayah dihormati dan disegani, sehingga tiada sesiapa yang berani merokok di hadapan ayah walaupun ayah sendiri pun merokok. Bersama-

⁶ Kitab “Hashiya al-Ashmawi” salah satu kitab yang membahas tentang ilmu nahu (tatacara berbahasa Arab) yang dikarang oleh ulama yang bernama Shaykh Abdullah ibn Fadhil Shaykh al-Ashmawi.

sama dengan sahabat karibnya, Haji Harun (Ayah kepada Yang Dipertua PAS Rantau Panjang, Dato' Fatah Harun), mereka berdua dianggap sebagai tok guru yang *gedebe* dengan maksud pandai belajar dan digeruni oleh kawan dan lawan.

Satu lagi kelebihan yang ada pada ayah ialah suaranya sangat merdu apabila mengaji al-Quran. Apabila mengajar atau bersyarah pula, suaranya lantang dan sekali sekala akan diselangi dengan lawak jenaka. Antara contoh lawak jenaka yang diselitkan ayah adalah dengan memetik syair daripada Tok Kenali, "Wa-khamsatun ba'da al-ta'am tu'kilu; pinang, sirih, kapur, gambir, tembakau berbulu."

Sebenarnya ayah sangat mementingkan hafazan dan tegas semasa mengajar. Aku masih ingat, aku dan Kak Hasnah pernah ditampar oleh ayah semasa belajar *saraf*. Ini kerana kami berdua terlupa dalam hafazan *tasrif* (contohnya *nasara*, *yansuru*, *yansurani*, *yunsuru*). Aku juga pernah basah kuyup disimbah air oleh ayah gara-gara terlewat bangun untuk menunaikan solat subuh. Bukan aku sahaja yang basah kuyup, tapi selimut dan bantal habis lencun. Pada zaman remaja, aku juga boleh dikatakan mudah terpengaruh keadaan di sekeliling. Ketika itu, dalam filem aku selalu lihat hero-heronya selalu menghisap rokok. Jadi, aku cuba-cuba menghisap rokok tetapi telah diketahui oleh ayah. Akibatnya aku telah dirotan oleh ayah. Libasan pertama yang hinggap di badanku, aku menyambutnya dengan laungan takbir sekuat-kuat hati. Mendengar aku bertakbir sekuat hati, ayah terus berhenti daripada merotan aku.

Ayah biasanya akan ke Kota Bharu pada setiap hari Sabtu, selalunya untuk bergunting rambut atau mengupah tukang jahit untuk menjahit bajunya. Setiap kali ke sana ayah akan berpakaian kemas, dan akan memilih salah satu kot yang banyak tersimpan di dalam almari untuk dipakainya. Pakaian ayah sentiasa bergosok. Di dalam almari pakaian,

kopiah kerasnya tersusun rapi pada satu tingkat, dan kain sarungnya pula pada satu tingkat yang lain. Sekiranya ke luar dari Kelantan, ayah memakai seluar kendur (*slack*) panjang.

Ayah serta datuk moyangku merupakan tokoh-tokoh agama di kampung mereka. Ayahku, Haji Ab. Majid seorang tokoh agama yang terkenal dan sangat dihormati di kampung. Ayah merupakan murid yang berjaya dibentuk oleh Tok Kenali untuk meneruskan legasi tokoh ulama yang terkenal dalam mengembangkan pengajian ilmu-ilmu agama khususnya di Kelantan dengan membuka pondok dan sekolah.

Ayah kemudiannya menurunkan ilmu agamanya kepada anak-anak dan murid-muridnya termasuk aku dengan menubuhkan Madrasah Majidiah dan balaisah beliau sendiri di Kampung Kayu Rendang, Melor, Kota Bharu. Madrasah Majidiah yang ditubuhkan oleh ayah didirikan di atas tapak yang mempunyai bangunan dua tingkat dan madrasah tersebut adalah antara sekolah agama terawal yang didirikan di Kelantan selepas Madrasah Muhammadiyah, Kota Bharu (1917), Madrasah Naim lil-Banat, Kota Bharu (1941), Madrasah Amir Indra Petra, Beris Kubur Besar, Bachok (1942), Madrasah Yakubiah, Nipah, Bachok (1943), dan Madrasah Falahiah, Pasir Pekan, Tumpat (1943).

Sukatan pelajaran yang digunakan ialah berdasarkan sukatan pelajaran yang disediakan oleh Majlis Agama Islam Kelantan. Aku turut belajar di madrasah tersebut dan sekelas dengan Kak Hasnah dan juga Kak Semah Awang Lah yang kemudiannya menjadi isteri kepada Abang Muhammad Shukri. Ketika aku belajar di Madrasah Majidiah, Abang Mahmood Zuhdi dan Abang Ahmad Fadhil sudah belajar di Maahad Muhammadi. Pada mulanya aku belajar mata pelajaran Seni Khat, Mahfuzat, Mutala'ah, dan Akhlak.

Kemudiannya aku mempelajari Ilmu Tauhid, Fikah, dan Sejarah Islam dalam Bahasa Arab.

Selepas ayah meninggal dunia pada 20 September 1970, tanggungjawab mengendalikan madrasah ini telah diambil oleh Ustaz Wahab Sulaiman. Pada tahun 1980, akhirnya Madrasah Majidiah telah ditutup. Kesemua pelajar madrasah ini telah dipindahkan ke Sekolah Taqaddumil Ilmi, Ketereh. Ustaz Wahab pula telah berpindah ke sekolah kerajaan.

Walaupun Madrasah Majidiah tidak mampu bertahan lama, tetapi sumbangan dan kesannya kepada masyarakat terutamanya di Kampung Kayu Rendang agak besar. Sebelum ayah menubuhkan madrasah ini, penduduk kampung banyak terdedah kepada hiburan. Boleh dikatakan hampir setiap malam banyak acara hiburan diadakan untuk penduduk kampung. Sepulangnya ayah ke kampung setelah menamatkan pengajiannya di pondok, ayah mendapati keadaan sebegini mesti dibendung. Jadi, ayah membuat keputusan untuk membuka sekolah ataupun pusat pengajian agama. Sebab itulah, Madrasah Majidiah ini tertubuh. Ayah berpandangan bahawa jika seseorang itu mendapat pendidikan agama yang mencukupi dan mengamalkannya, dia akan menghindarkan dirinya daripada dosa dan maksiat. Ayah bukan sekadar memberi ceramah dan syarahan sahaja, tetapi mempraktikkannya dengan membuka sebuah madrasah. Secara tidak langsung, dakwah ayah ini telah berjaya menarik lebih banyak masyarakat kampung agar berada di landasan yang betul.

Semasa wujudnya Madrasah Majidiah, ilmu bukan hanya tersebar di dalam bilik darjah sahaja. Ayah menjadikan aktiviti pertanian sebagai aktiviti kokurikulum di madrasah ini. Malah, ayah sendiri mengusahakan penanaman getah selain mempelopori pertanian padi huma yang diusahakan secara bergotong-royong bersama-sama masyarakat kampung. Ayah

juga menanam pokok rambutan dan pokok getah di sebelah barat rumah kami, di tepi kubur, berdekatan dengan sebatang anak sungai. Pada waktu pagi, ayah menoreh getah bermula dari jam 7.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari. Kemuncak penglibatan ayah dalam bidang pertanian adalah apabila ayah meneroka tanah seluas 20 ekar di Kampung Paya Gunong, di Jerantut Ferry, Pahang. Ketika itu setiap kali cuti sekolah, ayah akan berulang-alik ke sana untuk menanam anak getah di atas tanah yang baru diterokanya. Aku sendiri sempat membantu ayah mengutip susu getah hasil torehaninya. Ketika ke sawah, aku sempat bersama-sama ayah dan orang kampung menimba telaga untuk mencari ikan.

Ayah juga pernah menternak kambing dan biri-biri dalam jumlah yang banyak selain menternak kuda.

Jika hendak diceritakan tentang ayah, sangat banyak perkara yang boleh disentuh tentang beliau. Ini kerana ayah bukan sahaja menjadi "tok guru" tetapi juga turut terkenal sebagai guru silat, guru tomoi, dan juga sebagai perawat. Ayah juga turut menubuhkan koperasi selain terlibat dalam urusan jual beli getah, membuka kedai runcit, dan menguruskan khairat kematian di Kampung Kayu Rendang. Boleh dikatakan setiap aspek kehidupan bermasyarakat, ayah akan turut berada di situ.

Suatu perkara yang masih jelas dalam ingatan aku ialah penglibatan ayah dalam bidang politik. Aku pun tidak pasti siapa yang mendorong ayah agar menyertai pilihan raya umum yang diadakan pada 20 Mei 1959. Pada waktu itu, PERIKATAN dan PAS ialah dua buah parti yang sangat besar dan mempunyai pengaruh yang kuat kepada masyarakat kampung. Ayah tidak memilih untuk menyertai kedua-dua parti tersebut, sebaliknya ayah membuat keputusan untuk bertanding sebagai calon bebas di Dewan Undangan Negeri Kota Bharu Selatan (kini dikenal sebagai Dewan

Undangan Negeri Ketereh). Ayah berhadapan dengan calon-calon daripada PERIKATAN, PAS, dan Barisan Sosialis. Walaupun ayah bertanding sebagai calon bebas, kami anak-anak beliau tetap memberi sokongan kepada calon daripada PAS. Lawan ayah dalam pilihan raya tersebut terutamanya daripada PAS dan PERIKATAN ialah “gergasi politik”. Ayah harus berhadapan dengan Haji Ishak Lotfi daripada PAS, dan Haji Nik Hasan Nik Yahya daripada PERIKATAN. Kedua-dua calon tersebut merupakan bakal Menteri Besar Kelantan sekiranya mereka menang dalam pilihan raya tersebut dan parti yang mereka wakili berjaya membentuk kerajaan. Dalam pilihan raya tersebut, calon daripada PAS telah memenangi kerusi tersebut dan telah dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan setelah PAS buat pertama kalinya berjaya membentuk kerajaan. Manakala ayah pula hanya meraih sekitar 100 undi sahaja.

Begitulah sekelumit cerita hidup aku, seorang anak kampung dari Kampung Kayu Rendang. Daripada seorang anak kampung, aku membesar dan mengembara dalam dunia ilmu dan dakwah. Semua ini anugerah dan jalan yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t kepada aku. Sebenarnya, masa kecil aku tidaklah begitu indah. Aku boleh katakan yang aku ialah seorang anak kecil yang malang. Walaupun sebagai anak tok guru, boleh dikatakan aku mewah dari segi makan minum, tetapi dalam usia lima tahun aku sentiasa dirundung perasaan sedih kerana tidak dapat kasih sayang daripada seorang ibu kandung. Walaupun ibu tiri aku sangat baik bak malaikat, tetapi hakikatnya ibu tiri tetaplah ibu tiri. Walaupun kasih sayangnya melimpah ruah ke atas aku, tetapi sudah tentulah kasih sayang daripada ibu kandung yang selalu aku dambakan. Tetapi aku tetap bersyukur kerana dalam masa yang sama aku mempunyai dua orang ibu yang penyayang; ibu kandungku, Zahrah; dan ibu tiriku, Hajah Rokiah. Aku sendiri merindui kasih sayang dan belaian daripada ibu kandung sehingga ke

usia 27 tahun. Ketika itu aku sudah balik dari Mesir dan sudah bekerja. Aku mengambil ibu kandungku untuk tinggal bersama-sama dengan aku setelah ibu kandungku itu bercerai dengan suaminya, Abdul Jalil. Satu perkara yang dapat aku simpulkan daripada sejarah hidup masa kecilku ialah, apabila berlakunya perceraian, anak-anaklah yang akan menjadi mangsa. Anak-anak akan mengalami keceluaran emosi dan juga menjelaskan perkembangan psikologi mereka. Sebab itulah sehingga sekarang aku tidak begitu menyukai lelaki yang mengamalkan poligami apatah lagi kepada perceraian.

Walaupun ketika kecil, ayah dan ibu aku berpisah, namun itu semua bukannya penghalang untuk aku terus melangkah ke depan. Walaupun aku sedikit duka lantaran perpisahan ayah dan ibu, tapi itu semua terbalas pada lewat usia aku yang menghampiri senja apabila aku dikelilingi dengan gelak tawa daripada anak cucu yang tidak pernah jauh dari aku.

(Untuk penulisan tentang Almarhum ayah, aku ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Abdul Salam bin Muhamad Shukri daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Sebahagian besar penulisan tentang Allahuhyarham Abd. Majid diambil daripada kertas kerja beliau yang berjudul “Tuan Guru Haji Ab. Majid bin Haji Ibrahim (1903-1970) dan Sumbangannya kepada Perkembangan Ilmu di Kelantan dan Pembentukan Keluarga Besar”.)